



HOSPITAL BATUGAJAH KENYATAANTAWARAN

TARIKH IKLAN : 18.5.2025

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut syarat-syarat kelayakan seperti berikut :-

No. Sebut Harga/Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat (WAJIB)	Tarikh, Masa dan Tempat Tutup Sebut Harga
HBG.(S)400-5/4/46 SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMASANGAN SISTEM PENDINGIN HAWA DI WAD HOSPITAL DAERAH DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI HOSPITAL BATU GAJAH	CIDB KELAS G3 ; KATEGORI: B dan ME PENGKHUSUSAN B28, M01, E04 DAN E17	Tarikh : 22.5.2026 (Jumaat) Masa : 9.30 pagi Tempat : Pusat Latihan, HBG	Tarikh : 29.5.2025 (Jumaat) Masa : 12.00 tengahari Tempat : PETI SEBUTHARGA Unit Perolehan & Kewangan, Hospital Batu Gajah, Jalan Aman, Batu Gajah, Perak

Kontraktor **diwajibkan** mengisi link kehadiran dan membawa **Slip Kehadiran** semasa sesi pendaftaran taklimat.

Link kehadiran :- <https://forms.gle/vFu6LjehgNvgXUpMA>

Link tersebut akan dibuka pada tarikh **19.5.2026** sehingga jam **5.00** petang sahaja. Dokumen sebutharga akan diberikan secara '**softcopy**' pada hari pendaftaran taklimat.

Taklimat adalah wajib dan sila hadir ke tempat yang ditetapkan **sebelum jam 9.30 pagi untuk pendaftaran**. Sebarang alasan kelewatan untuk menghadiri taklimat **tidak akan dilayan**.

Kontraktor dikehendaki membawa Slip Kehadiran (yang dimuat turun daripada emel), Kad Pengenalan serta salinan ASAL Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil TCC beserta satu (1) salinan fotokopi (**tidak dikembalikan**) semasa pendaftaran taklimat. **Hanya PENAMA di dalam Sijil yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak sebutharga dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain**. Terhad kepada **seorang kontraktor sahaja** dibenarkan untuk masuk ke dalam dewan mendengar taklimat.

Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap beserta semua dokumen wajib yang perlu disertakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan sebutharga serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga tidak lewat dari masa dan tarikh tutup iaitu **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari** di alamat **Unit Perolehan, Aras Atas, Jabatan Pesakit Luar, Hospital Batu Gajah, 31000 Batu Gajah, Perak**.

Dokumen **yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan**. Pihak Hospital Batu Gajah tidak bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan penghantaran dokumen sebutharga melalui pos laju/courier.

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pn Rosni binti Husin di talian 05-3663333 samb. 216

DR. JAYAKUMARAN A/L JAYABALAN

Pengarah Hospital
Hospital Batu Gajah

(cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan)

